

“ZIARAH PERKUKUH UKHUWAH” (15 JUN 2018 / 1 SYAWAL 1439H)

الحمدُ لله ، قدَّمَ مَنْ شَاءَ بِفَضْلِهِ، وَأَخَّرَ مَنْ شَاءَ بَعْدَ لِهِ، هُوَ الْكَرِيمُ الْوَهَّابُ، هَازِمُ الْأَحْزَابِ، وَمَنْشَى السَّحَابِ، وَمُتَرَلُّ الْكِتَابِ، وَمُسَبَّبُ الْأَسْبَابِ، وَخَالِقُ النَّاسِ مِنْ تُرَابٍ، هُوَ الْمُبْدِئُ الْمُعِيدُ، الْفَعَّالُ الْمَأْيُودُ، جَلَّ عَنْ اتِّخَاذِ الصَّاحِبَةِ وَالْوَالِدِ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَفْوًا أَحَدٌ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ، وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ، (لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ)، وَأَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أما بعد: فيا عباد الله، أوصيكم ونفسي بتقوى الله جل وعلا، اتقوا الله حق التقوى، فقد أمرنا ربنا بذلك في كتابه الكريم حيث قال:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُونَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴾

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan bulan Syawal yang kita raikan pada hari ini menjadikan kita insan yang lebih taqwa dan taat kesan daripada ibadah yang kita lakukan sepanjang bulan Ramadan. Tajuk khutbah pada hari ini ialah: “*Ziarah Perkukuhkan Ukhuwah*”.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bulan Syawal merupakan bulan yang sinonim dengan amalan mengeratkan ukhuwah, berkasih sayang dan ziarah menziarahi dalam kalangan sanak saudara

mahupun rakan taulan. Ia merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam dalam memenuhi hak-hak sesama manusia sama ada bagi merapatkan hubungan persaudaraan atau sebagai tanda mengambil berat terhadap keadaan insan lain. Percayalah, agama Islam sangat menggalakkan penganutnya agar sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan hubungan persaudaraan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat ayat 10:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Maksudnya: “*Sebenarnya orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu; dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu beroleh rahmat.*”

Bahkan, Islam adalah agama yang menuntut kedamaian dan kemuliaan dalam kalangan manusia. Tidak boleh mengeji, menghina dan merendahkan sesama manusia walau apa bangsa dan agama sekalipun. Malah menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam menunjukkan akhlak dan keperibadian mulia kepada masyarakat bukan Islam. Islam menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk yang dimuliakan dan diberi kelebihan berbanding pelbagai ciptaan lain., Firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ ayat 70:

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴾

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan kenderaan di darat dan di laut; dan Kami berikan rezeki kepada mereka dari yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.*”

Justeru itu, Bulan Syawal adalah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan kembali sillaturahim. Mungkin sebelum ini di antara kita ada berlaku ketegangan, salah faham atau perselisihan yang membawa kepada bermasam muka dan tidak bertegur sapa, maka ambillah peluang bulan yang penuh berkat ini untuk mengeratkan kembali hubungan yang kian pudar. Seseorang itu tidak dikira sempurna imannya sekiranya ia tidak menghubungkan silaturrahim sesama mereka. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang berbunyi:

...وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُصِلْ رَحِمَهُ

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia menghubungkan silaturahim.”*

(Riwayat Imam al-Bukhari)

Imam Ibnul Athir pula berkata: *“Silaturahim adalah suatu ungkapan berkaitan dengan menjalinkan perbuatan baik terhadap kaum kerabat yang memiliki hubungan senasab atau perkahwinan, berlemah lembut kepada mereka, menyayangi mereka, memerhatikan keadaan mereka, walaupun mereka jauh dan berbuat jahat. Manakala memutuskan silaturahim adalah suatu perbuatan yang berlawanan dengannya.”*

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mutakhir ini terdapat kecenderungan masyarakat mengambil peluang cuti bulan syawal untuk melancong ke luar negara atau menghabiskan masa di dalam rumah berbanding untuk keluar berziarah. Budaya ini perlu diubah kerana ia tidak menepati etika sambutan hari raya yang merupakan satu syiar Islam. Inilah waktu yang paling sesuai untuk kita merapatkan hubungan kekeluargaan dan tali persaudaraan. Jika kita tidak gemar menziarahi saudara mara bagaimana kita dapat mengukuhkan ukhuwah kita lebih-lebih lagi dengan kekangan kerja yang membataskan aktiviti kita untuk mendekati saudara mara pada hari-hari yang lain.

Satu perkara lagi, fenomena kecanduan masyarakat terhadap media sosial merencatkan objektif amalan ziarah untuk saling beramah mesra atau berbual bersama-sama keluarga tuan rumah. Kadangkala ketika berkunjung ke rumah rakan taulan dan jiran tetangga, masyarakat masih lagi leka bersembang dalam media sosial dan mengemaskini status akaun sama ada di facebook, twitter dan instagram. Sedarlah, tindakan ini sedikit sebanyak mengganggu komunikasi di antara tuan rumah dan tetamu. Jika perkara ini juga diambil mudah, tidak mustahil suatu hari nanti, lunturnya semangat ukhuwah dalam kalangan masyarakat Islam dan masing-masing akan hidup mementingkan diri sendiri sahaja.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam kesibukan kita kunjung mengunjungi dan melayan tetamu sayugia juga diingatkan agar tidak melupakan tanggungjawab yang lebih utama iaitu menjaga solat. Kesibukan ini kadangkala menyebabkan kita melengah-lengahkan solat sehingga solat di akhir waktu atau paling malang sekali, solat ketika waktu telah luput. Perkara ini juga biasa terjadi apabila terperangkap dalam kesesakan lalu lintas atau mengejar masa untuk melengkapkan jumlah ziarah sehingga akhirnya tanggungjawab yang utama ini terabai. Oleh yang demikian disarankan agar singgahlah di mana-mana masjid atau surau yang berdekatan semasa dalam perjalanan bagi memastikan amalan mulia ziarah menziarahi ini diredhai dan diberkati. Pastikan juga seluruh ahli keluarga mengambil berat tentang pelaksanaan ibadah solat selain menyuburkan rasa cinta mengunjungi rumah-rumah Allah SWT. Ibn Mas'ud r.a. meriwayatkan sebuah hadis yang berbunyi:

سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ ؟ قَالَ : " الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا " ، قُلْتُ : ثُمَّ أَيُّ ؟ قَالَ : " بِرُّ الْوَالِدَيْنِ " ، قُلْتُ : ثُمَّ أَيُّ ؟ قَالَ : " الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ "

Maksudnya: Abdullah ibn Masud r.a pernah bertanya kepada Nabi SAW “Apakah amalan yang paling Allah sukai?” Baginda menjawab, “Solat tepat pada waktunya.” Abdullah ibn Masud bertanya lagi, “Kemudian apa?” Baginda menjawab, “Melakukan kebaikan kepada kedua-dua ibu bapa.” Abdullah bertanya lagi, “Kemudian apa?” Nabi menjawab, “Jihad kerana agama Allah.”

(Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini marilah kita mengambil kesempatan pada bulan Syawal yang mulia ini untuk saling ziarah menziarahi bagi mengeratkan silaturrahim sesama kita. Hubungan yang terjalin ini membolehkan kita berkongsi ilmu serta kebaikan, membina kesatuan kekeluargaan yang erat dan menjauhi keburukan seperti fitnah atau buruk sangka sesama manusia. Terdapat tiga perkara yang dapat dirumuskan untuk menjadi panduan dan pedoman kita bersama-sama iaitu:

- Pertama:** Amalan ziarah merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam dalam memenuhi hak-hak sesama manusia.
- Kedua:** Kecanduan masyarakat terhadap media sosial perlu diatasi kerana ia boleh merencatkan objektif amalan ziarah.
- Ketiga:** Solat merupakan amalan ibadah yang wajib dipelihara dan ditunaikan walau sesibuk mana pun kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقَكُمْ إِنَّ

اللَّهُ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya(akan keadaan dan amalan kamu).”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا
بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدُ
الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرِ.
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ

اللَّهُ تَعَالَى وَمَ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي
طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ
الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سُلْطَانَ
المُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ المُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ العِزَّةَ
وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الفُؤَاحِشَ مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيْعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي يغ مها موليا سري فادوك بكيندا يغ دفرتوان أكوغ كليما بلس

سلطان محمد كليما وعلى كل قرابته أجمعين

أَصْلَحَ اللهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَّضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلاً وَمِنْهَاجًا. وَارزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَحِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا
جَمِيعًا لَطَاعَتِكَ وَطَاعَةَ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةَ مَنْ أَمَرْنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ عِظْمُكُمْ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.